

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

PERANGAI BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI

III

DALAM PERKARA AGAMA - JANGAN BERTAQLID BUTA

Sehingga ini perangi bergantung kepada diri sendiri itu telah diterangkan mustahaknya hanya dalam perkara-perkara pekerjaan hidup di dunia dan perkara mengamalkan ajaran-ajaran agama sahaja. Tetapi selain daripada itu nyatalah pula dengan tak boleh tidak sifat bergantung kepada diri sendiri itu memang perlu juga dikehendaki pada perkara-perkara fikiran dan kepercayaan dan pada perkara memahami dan menerima ajaran-ajaran agama dan kemudian mengamalkannya: Yakni kita wajib seberapa bolehnya memakai timbangan sendiri dan pengasuhan akal serta ilmu pengetahuan sendiri pada perkara-perkara itu. Dengan ibarah yang lain kita tidak disuruh bertaqlid buta atau mengikut dan menerima sahaja dengan tiada ujian akal dan tiada mengerti hujung pangkal akan apa-apa yang dibawakan dan diajarkan kepada kita daripada ajaran-ajaran agama itu. Segala seruan dan ajaran di dalam Quran adalah dihadapkan Tuhan kepada manusia dari pihak akalnya dan pengenalan mata hatinya. Tuhan sentiasa menyuruh kita menggunakan akal dan timbangan sendiri, dan di dalam Quran kita dapati berulang-ulang pada beberapa banyak tempat perkataan-perkataan seperti (*afalā ta'qilūn?*) dan (*afalā tatafaqqarūn?*) ertinya tidakkah kamu menjalankan akal? Tidakkah kamu berfikir atau menimbang dengan fikiran kamu sendiri??

OLEH Z'ABA

Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tuli sahaja, umpama mereka yang berdegil mengikut jalan nenek moyang atau pendapatan orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya atas neraca timbangan akal sendiri, bahkan tiada dikira walaupun bersalahan dengan akal dan ilmu pengetahuan. Firmannya (*waidhā qīla lahum atab'awā mā anzal Allāh qālūbal tattabi' mā al-finā alaih abā'anā, awalaw kāna abā, wahum lā ya'qilūn shai' walā yahtadūn*: Surah al-Baqarah 170) ertinya “Dan apabila dikata kepada mereka itu “Ikutilah apa yang telah diturunkan Allah” maka jawab mereka “Tidak! Kami mengikut apa yang kami dapati dijalani oleh nenek moyang kami”, ha, begitukah? Jikalau sekalipun nenek moyang mereka itu tidak menjalankan akal sedikit pun dan tidak berada di atas jalan petunjuk?!” dan pada tempat lain (*waidā qīla lahum tā'ālū ilā mā anzal allāh wa alā al-rasūl qālū ḥasibnā mā wajadnā alaih abā'anā awalaw kāna abā'ūhum lāya lamūn shai'ā walā yahtadūn* : Surah al-Mā'idah 104) ertinya “ Dan apabila dikata kepada mereka “Marilah kamu sekalian kepada apa yang telah diturunkan Allah dan kepada (jalan) pesuruh Allah, maka jawab mereka cukuplah bagi kami apa yang kami telah dapati dijalani oleh. Nenek moyang kami : ha begitukah? Dan jikalau nenek moyang mereka itu tidak mengetahui sesuatu apa sekali pun dan tidak mendapat petunjuk?!” dan firman-Nya lagi (*qāla hal yasma'ūnakum idh tud'ūn?aw yanfa'ūnakum aw yaḍurrūn? Qālū bal*

wajadnā abā'unā kadhalik yuf'alūn: Surah al-Shu'arā' 72-74) ertinya Nabi Ibrahim bertanya kepada bapanya dan orang-orang kaumnya : “Adakah berhala-berhala yang tuan-tuan sembah itu memberi manfaat kepada tuan-tuan atau memberi mudharat?, atau adakah berhala-berhala itu memberi manfaat kepada tuan-tuan atau memberi mudharat? maka jawab mereka, walaupun tidak, tetapi begitulah telah kami dapati nenek moyang kami berbuat “..... dan lagi firman-Nya (*waiḥā qīlalahum ittabi'ū mā anzala Allāh qālū bal nattabi'ū mā alfaynā 'alayhi 'abā'anā, awalaw kāna abā'ūhum lā yaqilūna shay'ān walā yahtadūn-al-shaitān yad'ūhum ilā aḥab al-sa'īr* : Surah Luqmān 21) ertinya “ dan apabila dikata kepada mereka itu ikutilah oleh kamu sekalian apa yang telah diturunkan Allah, maka jawab mereka “Tidak! Tetapi kami mengikut apa yang kami dapati dijalani oleh nenek moyang kami : “Ha begitu? Dan jikalau syaitan menyeru mereka kepada seksa api yang menyala sekalipun ?” dan pada tempat lain lagi (*bal qālū anā wajadnā abā'anā alā ummat wa'anā alā athārihum muhtadūn.. maqtadūn* : surah al-Zukhrūf 22-23) ertinya. “ Tetapi kata mereka itu bahawasanya kami telah dapati nenek moyang kami menjalani suatu jalan, dan kami hanya mengikut panduan jejak mereka itu..... atau hanya bertauladan kepada jejak mereka itu.”

Demikianlah dicela Tuhan di dalam al-Quran jika orang hanya mengikut apa-apa kebiasaan yang telah teradat dari nenek moyang sahaja dengan tiada ditimbang lagi betul atau tiada betulnya dan tiada menjalankan akal fikiran sendiri dan pengetahuan sendiri menguji benar salahnya.

Bertaqlid buta itu dikeji oleh agama dan oleh sekalian orang berakal kerana banyak mudharatnya dan kuat keharusannya boleh membawa tersimpang kepada jalan yang tiada betul dengan tiada kita sedar akan dia. Tuhan dan Rasul-Nya tidak menyukai orang-orang bertaklid buta kepada fikiran orang lain. Imam-imam mujtahidun tempat orang bertaqlid itu sendiri tidak pernah menyuruh orang-orang bertaqlid buta sahaja kepadanya, atau memastikan orang-orang sekalian menerima sahaja segala fahamannya dan pendapatannya. Sebaliknya mereka sentiasa menggalakkan segala murid-murid dan pengikut mereka supaya menyasat sendiri, memeriksa dan menimbang sendiri dengan teliti akan segala pendapat dan keputusan yang telah mereka peroleh itu.

Sekalian imam besar-besar Islam zaman dahulu itu walau “ Imam-imam mujtahidun “ pun dan walaubagaimanapun alimnya tidaklah pernah dikira sebagai orang yang maksum daripada tersilap dan tersalah. Mereka sendiri pun sentiasa sedar yang diri mereka tidak bersifat maksum itu. Mereka bukannya Nabi ; jika Nabi baharulah layak dikira maksum pada apa-apa yang mereka katakan dalam hal agama. Sungguhlah sebagai ulama mereka sekalian jadi waris kepada Nabi-Nabi ; tetapi itu tidaklah memastikan sifat maksum pada diri mereka dan pada segala pendapatan faham mereka. Maka oleh sebab itu tidaklah pernah mereka mendakwa sekalian fahaman dan pendapat yang telah mereka keluarkan itu tentu betul sahaja mesti disetujui oleh orang-orang sekalian, atau semuanya tetap layak dan munasabah sahaja, bagi segala hal dan zaman hingga bila-bila pun. Bahkan jangankan mereka mendakwa demikian, malahan sebaliknya mereka sendiri selalu berkata kalau ada apa-apa perkataan atau pendapatan mereka yang didapati oleh orang-orang kemudian bersalahan dengan hadis sahih Nabi SAW maka lemparkanlah ke tembok; apalagi jika didapati bersalahan dengan al-Quran. Mereka tiada suka orang mengikut dengan taqlid buta sahaja kepada apa-apa pendapat dan fahaman mereka itu. Mereka selalu suruh uji dan timbang sendiri barang apa-apa jua yang mereka katakan dalam kitab-kitab mereka itu : Jika didapati betul bolehlah ikut; jika tidak betul janganlah atau baiki akan dia.

Bagi mencontohkan mudharatnya bertaqlid buta itu orang-orang bijaksana telah merekakan suatu cerita yang barangkali benar pada asasnya : dua ekor keldai telah dibawa oleh tuannya mengangkat barang – seekor membawa garam di dalam beberapa karung diikatkan di atas belakangnya, dan seekor lagi membawa span (bunga karang) diikatkan kepada belakangnya juga. Maka tatkala mengharung melalui sebuah anak sungai keldai yang membawa garam itu telah tergelincir beberapa kali jatuh tergolek ke dalam air itu. Maka garam itupun hancur ; tiap-tiap kali ia bangkit air garam itu berlelehan turun dari kiri kanan rusuknya. Akhirnya iapun merasa ringan. Setelah sampai ke tebing sebelah, melompat-lompatlah ia oleh kesukaan.

Apabila dilihat oleh keldai yang membawa span itu iapun hairan lalu berteriak kepada tulannya itu dengan bahasa keldai : “ Hai; apa sebabnya awak telah menjadi terlampau suka ini? Tadi kawan tengok, awak terbangkul-bangkul di bawah beban awak itu. Sekarang sudah ringan nampaknya dan boleh berlari melompat-lompat dengan ringa pula! “ Jawab taulannya itu : “ Masa

kawan mula-mula tergelincir dalam sungai itu tadi kawan rasa beban di atas belakang kawan hancur menjadi air serta ringan rasanya sebab itu kawan pun sengaja membuat-buat jatuh lagi beberapa kali supaya banyak lagi beban kawan itu hancur. Sekarang sudah ringan betul! “

Maka keldai yang membawa span itupun menetapkan hatinya hendak membuat-buat jatuh pula dalam air itu supaya bebannya menjadi ringan juga. Lalu iapun pura-pura tergelincir rebah ke dalam air hingga bergolek-golek, serta sengaja ia lambat bangun kerana menantikan biar banyak bebannya itu hancur pula. Kemudian apabila ia bangun dirasanya jangankan beban itu bertambah ringan, malahan telah bertambah berat pula berganda-ganda daripada dahulu sebab span itu semuanya telah mudah dimasuki air. Mahu tak mahu berjalanlah juga ia naik ke tebing sambil mengerang dan mengeluh oleh terlalu beratnya sepertikan hendak patah rasa belakangnya!

Maka kata tuannya : “Hai si dungu yang bebal! Ketahuilah bahawa bebanmu dengan beban tulanmu itu tidak sama jenisnya! Mengapa engkau meniru mengikut-ikut dengan buta tuli, tidak dengan fikiran dan faham yang terang?! Padelah balasanmu dengan akalmu itu! Bangsaku manusia pun banyak yang berbuat seperti engkau ini, mengikut-ikut perkara yang mereka tiada faham dan tiada mengerti!”

Kita semuanya memang ada bertaqlid pada beberapa banyak perkara. Misalnya pada menerima sesuatu perkhabaran dan pada ilmu-ilmu yang kita tiada mahir di dalamnya pada perkara-perkara seumpama itu kita terimalah apa yang dikhabarkan oleh orang yang melihat terjadinya sesuatu hal itu. Atau pun yang telah disahkan betulnya oleh orang-orang yang ahli dan ilmu itu. Bahkan pada perkara-perkara yang demikian imam-imam mujtahidun sendiri yang bertaqlid oleh orang-orang sekarang itupun bertaqlid juga. Akan tetapi taqlid demikian itu bukanlah taqlid buta tuli, melainkan taqlid dengan pengetahuan sendiri patut atau tidaknya ditimbang dengan akal dan ilmu pengetahuan sendiri patut atau tidaknya perkara yang diterima itu. Jika benar dan betul rasanya atau bulat-bulat barang apa sahaja yang dikatakan orang itu dengan tiada timbang menimbang lagi pendeknya pada apa-apa perkara pun tidaklah terus diikuti dengan buta sahaja melainkan sentiasa ditimbang dahulu, diuji sah atau tidaknya dengan akal dan ilmu pengetahuan sendiri. Setelah nyata betulnya atau benar, atau sekurang-kurangnya setelah nyata patutnya pada timbangan akal sendiri itu baharulah diterima. Maka yang demikianlah dinamakan bergantung kepada diri sendiri dalam perkara agama.

Orang dahulu-dahulu yang ahli ilmu semuanya telah bersendiri menimbangkan dan memahamkan hal-hal agama. Maka dengan demikian hingga setengah daripada mereka itu telah sampai mencapai martabat jadi imam-imam mazhab iaitu menjalankan ijtihad sendiri hingga mendirikan mazhab sendiri; dan dari sebab itulah telah terjadi beberapa banyak mazhab pada usul dan pada furu'. Dalam tiga kurun yang mula-mula kemudian daripada Rasulullah telah ada tidak kurang daripada 19 mazhab fiqh yang berasing-asing (termasuk mazhab yang empat sekarang) selain daripada beberapa banyak mazhab yang betul

pada pihak usul dan aqa'id, yang demikian ialah telah terjadi oleh sebab masing-masing imam dan pengikut-pengikutnya itu bersendiri mengeluarkan pendapat yang nampak kepada fahaman mereka sendiri akan ayat-ayat Quran dan hadis itu, dan yang dirasa mereka lebih baik dan lebih tepat daripada fahaman orang lain yang semasa dengannya atau yang dahulu daripadanya misalnya al-Imam al-Shafi'i tidak bersetuju pada beberapa banyak perkara dengan gurunya Imam Malik dan Imam Mālik tidak bersetuju pada beberapa perkara pula dengan Imam Abū Ḥanifah; dan Imam Ahmad bin Ḥanbalī tidak bersetuju pula pada beberapa banyak perkara dengan pendapat gurunya al-Imam al-Shafi'i demikianlah tiap-tiap seorang mereka itu tidak mengikut buta sahaja apa-apa kata gurunya masing-masing, mereka bersendiri memahamkan tiap-tiap nas agama dan bersendiri mengambil keputusan hukum-hukum agama daripada nas-nas itu: ada tentangnya mereka bersetuju dan sekata, tetapi banyak tentangnya mereka berselisih faham : walhal pada asas dan punca sekaliannya, mereka itu kerap kali satu dan sama juga. Maka demikian pula pada mazhab-mazhab fiqh yang lain-lain yang telah ada pada zaman mula-mula dahulu dan sekarang telah diketepi seperti mazhab Mujahid, mazhab al-Zahri, mazhab Sufyan al-Thūri, mazhab al-Awza'i, mazhab al-Sha'bi, mazhab Imam al-Lith, mazhab Dāwūd al-Zahri dan lain-lain lagi.

Demikian lagi pada pihak usul (aqa'id) dan tasawwuf: kita lihat Hasan al-Basri, al-Jibā'i, Abu Hassan al-Sha'ari, Imam al-Haramain, al-Ghazālī, dan lain-lain, semuanya itu daripada orang yang bebas dan merdeka memakai fikiran dan timbangan mereka sendiri pada masing-masing cawangannya, di bawah suluhan ilmu dan akal mereka sendiri masing-masing. Tiap-tiap seorangnya itu bersendiri memahamkan dan menguji segala pegangan-pegangan agama yang diterima atau ditolaknya. Mana-mana masalah yang telah sedia diputuskan oleh orang lain dahulu daripadanya maka diperiksanya dan ditimbangkannya semula : kalau munasabah pada pendapatannya sendiri maka diterimanya, kalau tidak maka ia sendiri ada jalan lain memahaminya dengan fahaman yang lain pula. Maka dengan demikianlah telah terjadi pada bahagian usul bermacam-macam mazhab dan pembawaan pula seperti mazhab Jabariyah, mazhab Qadariyah, mazhab Mu'tazilah, mazhab ahli al-Sunnah, mazhab Khabariyah, mazhab Zaidiah, mazhab Imamiah, mazhab Ibadiah, dan lain-lain lagi. Dan pada bahagian tasawwuf kita dapati berbagai-bagai cara tariqat seperti Qadriah, Naqsyabandiah, Syatariah, Samaniah, Muhammadiyah, Ahmadiyah, dan lain-lain pula. Akan sebabnya terjadi sekalian itu, baik pada usul atau pada fiqh atau pada tasawwuf, ialah oleh kerana pandit-pandit agama kita pada masing-masing zamannya dahulu itu tidak hanya bertaqlid kepada pendapat orang lain sahaja, melainkan masing-masing tahu mengambil fahaman bersendiri dan menerbitkan pendapat sendiri daripada punca-punca yang diberi di dalam Quran dan sunnah itu.

Pendeknya mereka itulah orangnya yang telah berbuat sebagaimana yang diperbuat oleh ahli-ahli ilmu cara Barat sekarang dalam cawangan-cawangan yang lain daripada agama. Maka dengan jalan menggalakkan diri mereka bersendiri itu hasilnya hingga dapat mereka mengeluarkan fahaman-fahaman yang baharu

dan pendapat-pendapat yang baharu daripada punca-punca yang sedia dalam agama Islam itu – iaitu pendapat-pendapat yang belum ada orang mendapatnya dahulu daripada mereka maka demikian itulah “kemajuan” namanya, dan itulah yang dikatakan penerbitan “original” yakni menerbitkan sesuatu yang baharu dan bersendiri yang belum ada orang lain pernah menerbitkan seperti itu lebih dahulu. Maka sebab itulah mereka menjadi terkenal kepada orang dan kerap kali membangkitkan kehairanan orang kepada mereka serta menarik orang-orang mengakukan kelebihan mereka itu. Maka hanyalah orang-orang alim kita sekarang hampir-hampir semuanya tidak lagi mempunyai cukup kebolehan dan kelayakan akan berbuat seperti orang dahulu-dahulu itu ; jadi sangatlah jarang adanya daripada mereka yang tahu dan boleh bersendiri atau tahu menyiasat dan membuka jalan baharu sendiri, melainkan semuanya hanya biasa bertaqlid dan kebanyakannya bertaqlid buta sahaja!!

Maka sekalian yang telah disebutkan ini bukanlah pula maksudnya semua jadi seperti imam-imam mujtahidin dahulu kala itu orang itu pun baik juga, tetapi di sini bukan begitu yang dimaksudkan. Hanya yang terutamanya dimaksudkan ialah tiap-tiap orang Islam yang berpelajaran patut biasa sebanyak sedikit memakai akalnya sendiri menguji dan menimbang benar salahnya apa-apa pegangan agama yang diterima dan diperangganginya itu, jangan pakai ikut secara taqlid buta sahaja dengan tiada mengerti hala-jalan benarnya atau tiada benarnya. Tiap-tiap seorang patut ada upaya menimbang sendiri dahulu dengan akalnya dan ilmu pengetahuannya (seberapa ada) akan sebarang apa jua ajaran agama. Ia patut berbuat pada perkara-perkara agama itu seperti pada lain-lain hal dalam perkara dunia juga. Misalnya jika dekat oleh guru-guru “dua kali lima sepuluh” maka tidaklah memada diterima terus sahaja perkataan itu dengan tuli, melainkan hendaklah disaksikan betulnya dahulu dengan akal. Tiap-tiap seorang hendaklah tahu membuat dua longgok benda yang mengandungi lima benda pada tiap selonggok, kemudian jumlahkan kedua longgoknya itu, betulkah atau tidak jadi sepuluh? Setelah sah betulnya disaksikan oleh akal dan ilmu pengetahuan dan setelah cukup puas hati akan betulnya itu, maka baharulah diterima dan diikuti. Maka demikianlah “juga mestinya diperbuat dalam soal-soal agama oleh tiap-tiap ahli ilmu : Jika diperbuat demikian baharulah dinamakan bergantung kepada diri sendiri dalam perkara agama.”

Walhasilnya yang terutama sekali lebih wajib menimbang dan menguji sendiri itu ialah bagi orang yang ada kelayakan yakni ada ilmu pengetahuan serta ada latihan menjalankan akal dan siasatan selidik sendiri dalam perkara mencari dan menerima kebenaran. Mereka yang demikian hendaklah sebenar-benarnya menimbang dan menguji barang apa-apa jua ajaran agama itu dengan neraca akal yang adil dan dengan ujian ilmu pengetahuan yang telah disaksikan betulnya dengan tiada syak dan sekali-sekali seperti dua kali lima sepuluh tadi. Setelah diuji dan ditimbang demikian itu maka mana-mana yang sebenar didapati betul terimalah dan amalkan, tetapi mana-mana yang kurang tepat rasanya siasatlah ke pangkal, timbangkan semula dari asal

usulnya pengikut pedoman ilmu pengetahuan yang ada sekarang serta dengan menimbangkan keadaan hal ehwal dan perubahan zaman.

Ilmu pengetahuan itu ialah alat perkakas yang tak boleh bagi bersendiri dalam barang apa-apa cawangan kehidupan juga pun. Maka jika di dalam cawangan agama seseorang itu ada ilmu pengetahuan yang cukup untuk jadi alat, wajiblah di atasnya menggunakan ilmu pengetahuannya itu bagi memandu akal nya menimbang dan menentukan benar salahnya apa-apa perkara yang diterima dan dipegangnya itu sehingga dirasa sah betul nya. Maka tidaklah memadai jika ia hanya pakai ikut orang sahaja dengan tidak menimbang-nimbang sendiri lagi. Jika diperbuatnya demikian maka itulah yang dikatakan “bertaqlid buta” semata-mata, dan iaitu tidak akan mencelikkan akal atau memajukan kebolehan berfikir, yang ialah di antara sebesar-besar nikmat Tuhan kepada manusia. Dan lagi orang yang ada kelayakan dengan sebab ada ilmu pengetahuannya untuk jadi alat itu, maka selain daripada ia mesti menggunakan kelayakannya itu untuk memeriksa dan menguji sendiri hendaklah pula ia sentiasa berusaha menambah lagi ilmu pengetahuannya itu dan memperdalamnya dengan mencari alat-alat perkakas lain yang baharu, iaitu menambah dan memperdalam ilmu-ilmu yang telah sedia ada kepadanya itu dengan ilmu-ilmu yang lain lagi tiada berkesudahan, supaya semakin bertambah kelayakannya dan kebolehannya.

Adapun bagi orang yang tiada mempunyai kelayakan atau alat perkakas yang cukup, yakni ilmu pengetahuan untuk menjalankan ujian dan timbangan sendiri itu, maka sebagainya janganlah sekali-sekali ia redha berpuashati sahaja dengan hal keadaannya tiada mempunyai kelayakan itu, atau sentiasa mengaku dan mengikrarkan dirinya tiada kelayakan sahaja dan tiada harapan akan dapat kelayakan. Kerana jika diperbuatnya demikian nescaya sampai bila pun ia tidak akan mendapat kelayakan itu. Ia hendaklah sentiasa berusaha bersungguh-sungguh memperdapatkan seberapa banyaknya perkakas-perkakas yang boleh memberi kelayakan itu kepadanya. Ia hendaklah sentiasa mencari dan menuntut segala ilmu-ilmu alat yang jadi perkakas bagi memberi dia kelayakan yang dikehendaki itu sehingga diperoleh dengan sempurnanya.

Tetapi sementara belum diperoleh perkakas itu maka sekurang-kurangnya ia ada mempunyai alat suluhan akal dan boleh menggunakan suluhan itu bagi menimbang mana perkara yang patut dan mana yang tidak sebagaimana disuruh di dalam Quran akan tiap-tiap seorang menggunakan dan menjalankan akal nya walaupun dalam perkara agama. Tambahan pula jika ia seorang yang sudah ada juga sebanyak sedikit mendapat pelajaran dan pengetahuan dalam cawangan pengajian lain-lain tentang mengenal benar dan salah dan membezakan betul dengan tiada betul, walaupun pengetahuannya itu bukan dari segi agama. Bagi orang yang demikian memang sepatutnya itu mencuba melakukan kesendiriannya atas kadar sekuatnya yang boleh tersampaikan oleh ilmu pengetahuannya itu, dengan syarat jangan ia mengikut kecenderungan sedap hawa nafsu tetapi hendaklah mengikut timbangan yang insaf dan adil.

[Bersambung dengan makalah yang penghabis.]

Ajalnya

Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb *raḍiy Allāh ‘anh* telah menulis kepada seseorang pegawainya iaitu Abu Musa al-Sha‘ari :

“ Sesungguhnya sebahagia-bahagia pemimpin di sisi Allah Ta‘āla ialah pemimpin yang orang ramai mendapat bahagia dengan pimpinannya dan sahabat-sahabat pemimpin ialah yang orang ramai menderita kerana pimpinannya itu oleh yang demikian maka berhati-hatilah kamu jangan tergelincir ke jalan yang salah maka akibatnya pegawai-pegawai yang di bawah perintahmu akan tergelincir sama, dan menjadikan kedudukan kamu di sisi Allah sebagaimana kedudukan seekor binatang ternakan yang telah terpancang rumput yang subur. Lalu bersegera meluru ke situ meragut dengan sepuas-puasnya kerana berkehendakan badannya gemuk tambun, padahal tidak disedari bahawa ajal nya (maut) adalah bersembunyi di dalam “gemuk tambun” yang diidaminya itu.

Maksudnya : Kemewahan yang tidak terbatas yang sentiasa dikejar oleh pegawai kerajaan itu sehingga tergamak mereka mencapainya dengan berbagai jalan yang tidak halal itulah yang akan membinasakan mereka akhirnya.

Pesanlah buku-buku keluaran Pelita

Ilmu sains dan pendapatan baharu senaskhah 20 seb pos 6 sen.

Lawatan saya ke Malaya dan Timur Jauh (dua penggal) tiap-tiap sepenggal hampir 250 muka – sepenggal \$1.00 pos 12 sen.

Baharu terbit – peladang kecil – tebalnya 180 muka. Senaskhah 80 sen – pos 10 sen. Pesan kepada :

PELITA
c/o 356 & 358, Geylang Rd.,
Singapore 14.
